

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN BAGI DEWAN  
RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DR. LEE BOON CHYE [ GOPENG ]**

**TARIKH : 2 APRIL 2014 (RABU)**

**SOALAN : 69**

**Dr. Lee Boon Chye [ Gopeng ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan langkah yang diambil selepas Malaysia jatuh sebanyak 23 anak tangga dalam Indeks Kebebasan Media Dunia 2013 ke tangga 145 dari 179 negara.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

*World Press Freedom Index* oleh *Reporters Without Borders* (RWB), telah menarafkan Malaysia pada kedudukan 147 daripada 180 negara pada tahun 2014 berbanding 145 daripada 179 negara pada tahun 2013. Walau bagaimanapun kedudukan ini tidak melambangkan situasi sebenar kebebasan media di Malaysia.

Kajian penarafan ini hanya merangkumi perspektif pelbagai kebebasan media, persekitaran media, *self-censorship*, perundangan, ketelusan dan infrastruktur media. Turut diambil kira adalah soal pelanggaran hak wartawan, *netizen*, jurugambar, dan jurukamera. Kriteria-kriteria yang diambil kira memandang dari sudut kebebasan media “mutlak”

sedangkan dalam amalan demokrasi, sesebuah negara masih memerlukan kepada pemantauan. Kebebasan itu juga perlu disertakan dengan tanggungjawab. Undang-undang media dan interpretasinya bagi setiap negara adalah berbeza begitu juga di Malaysia. Di Malaysia, organisasi media mengamalkan *social responsibility system*, iaitu mereka mempunyai tanggungjawab memainkan peranan dalam membangunkan kesejahteraan rakyat.

Namun sejak kebelakangan ini, kebebasan media agak tersekat, bukan kerana kongkongan Kerajaan sebaliknya ancaman saman demi saman oleh sesetengah pemimpin pembangkang yang seolah-oleh mahu menutup mulut organisasi media daripada membuat laporan yang tidak memihak kepada mereka.

Selain itu, kewujudan pelbagai media konvensional dan media baharu seperti blog, portal berita, youtube, facebook tanpa sekatan membuktikan Malaysia bersikap terbuka dalam penyaluran maklumat selagi tidak menggugat dan mengancam keharmonian dan keselamatan Negara. Kesimpulannya, *World Press Freedom Index* oleh RWB ini bukanlah kayu pengukur yang boleh melambangkan keadaan sebenar kebebasan media di Malaysia.